

Maklumat Pembeli Diperlukan Semasa Proses Pendaftaran Bagi Pemeriksaan Khas - Kenderaan Import

Pelanggan yang dihormati,

Susulan daripada syarat terkini Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terhadap proses pendaftaran kenderaan import baharu dan terpakai berkuatkuasa pada 11 Julai 2024, semua pelanggan yang terlibat perlu memastikan maklumat pemilik kenderaan yang hendak didaftarkan adalah betul sebelum membuat **Pemeriksaan Khas (B2) - Pendaftaran Import Baharu & Terpakai**.

- Bagi kenderaan yang telah menjalankan pemeriksaan **sebelum atau pada 20 Julai 2024**, pembetulan maklumat pada Laporan Khas (B2) terbabit boleh dilakukan di mana-mana cawangan PUSPAKOM.
- Manakala pemeriksaan yang dijalankan **bermula 21 Julai 2024**, tiada lagi permohonan pindaan maklumat yang akan dibenarkan. Pemeriksaan Khas yang baharu perlu dilakukan semula.

Segala kesulitan amat dikesali.

PUSPAKOM Sdn Bhd
19 Julai 2024